

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK

RHB Treasure Supreme

Ini adalah produk insurans

Baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil RHB Treasure Supreme. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.

1. Apakah produk ini?

Pelan ini merupakan Pelan Bayaran Terhad Endowmen Tanpa Penyertaan dalam Keuntungan dengan tempoh bayaran premium 3-tahun yang menawarkan perlindungan insurans selama <Tempoh> tahun. Polisi ini akan membayar Bayaran Tunai Terjamin (GCP) setiap tahun bermula daripada akhir tahun polisi 1 sehingga kematangan polisi. Selain itu, GCP Booster juga akan dibayar pada setiap 5 akhir tahun polisi. Ia juga membayar manfaat sekaligus apabila Orang yang Diinsuranskan meninggal dunia atau mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) semasa polisi ini berkuatkuasa.

Pelan ini menawarkan opsyen Premium Tambahan Berkala (RTU) untuk melabur dalam Dana Berkaitan Pelaburan sebagai tabungan tambahan.

Nilai dana adalah tidak terjamin dan bergantung kepada harga unit dana yang bergantung kepada prestasi dana pelaburan yang anda pilih. Terdapat tujuh dana sedia ada yang mempunyai objektif pelaburan dan profil risiko yang berbeza untuk pilihan anda:

(i) Dana TokioMarine-Enterprise

Bertujuan untuk memaksimumkan pulangan dalam jangka masa sederhana hingga jangka masa panjang dengan melabur dalam saham berkualiti yang tersenarai dalam Bursa Malaysia dan bursa saham asing.

(ii) Dana TokioMarine-Bond

Bertujuan untuk membolehkan pengumpulan modal dalam jangka masa sederhana hingga jangka masa panjang dengan melabur dalam sekuriti-sekuriti pendapatan tetap yang berkualiti.

(iii) TokioMarine-Dana Ikhtiar

Bertujuan untuk memberikan gabungan yang seimbang bagi pendapatan dan modal yang berpotensi berkembang dengan melalui pelaburan dalam saham yang tersenarai dalam Bursa Malaysia atau bursa saham yang lain, saham tidak tersenarai dan sekuriti hutang Islam dan aset lain yang tidak memberi faedah yang boleh diterima di bawah prinsip Syariah. Namun, polisi Insurans Berkaitan Pelaburan bukan produk yang mematuhi prinsip Syariah.

(iv) Dana TokioMarine-Managed

Dana yang diuruskan secara aktif yang cuba untuk memaksimumkan pulangan dalam jangka masa sederhana hingga jangka masa panjang. Ini dapat dicapai dengan melabur dalam saham dan sekuriti pendapatan tetap melalui Dana TokioMarine-Enterprise dan Dana TokioMarine-Bond dan dalam dana Tokio Marine yang lain atau dana pihak ketiga yang mungkin ditawarkan pada masa hadapan.

(v) Dana TokioMarine-Orient

Bertujuan untuk mencapai peningkatan modal dalam jangka sederhana hingga jangka panjang dengan melabur dalam skim pelaburan kolektif tunggal yang melabur secara terpilih dalam sekuriti, seperti ekuiti dan bon yang berkaitan, sama ada yang disenarai atau akan disenarai dalam pasaran ekuiti Asia yang bukan dari Japan.

(vi) Dana TokioMarine-Luxury

Untuk melabur dalam Dana sasaran yang berpotensi mencapai peningkatan modal jangka panjang dengan melabur dalam ekuiti dan ekuiti berkaitan sekuriti yang diterbitkan oleh syarikat-syarikat yang menyediakan barangan dan perkhidmatan-perkhidmatan dalam pasaran riadah, gaya hidup, dan mewah, atau skim pelaburan kolektif yang mempunyai tujuan pelaburan yang sama.

(vii) Dana TokioMarine-Global Sustainable

Bertujuan untuk menggalakkan ciri-ciri alam sekitar, sosial atau kemampanan dengan melabur sekurang-kurangnya dua pertiga daripada asetnya dalam saham atau instrumen jenis ekuiti syarikat terkemuka di dunia.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang diberikan?

Polisi ini menawarkan:

(i) Manfaat Kematian/ Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) - Manfaat kematian/HUMK berikut setelah menolak sebarang Bayaran Tunai Terjamin dan GCP Booster yang dibayar terkini dan jumlah yang terhutang akan dibayar:

a) Peratusan Jumlah Premium Asas yang dibayar (tidak termasuk Premium Tambahan Berkala) berdasarkan Tahun Polisi yang dinyatakan di bawah;

Tahun Polisi	Peratusan Jumlah Premium Asas yang dibayar (%)
1 hingga 2	100%
3 dan seterusnya	105%

b) Sebarang Bayaran Tunai Terjamin dan GCP Booster terkumpul (jika ada); dan

c) Nilai dana (jika ada sekiranya RTU dipilih).

- (ii) **Manfaat tambahan terhadap Kematian/ HUMK Akibat Kemalangan** - Sekiranya Orang yang Diinsuranskan meninggal dunia/ HUKM sebelum ulang tahun di mana Orang yang Diinsuranskan mencapai umur 70 hari jadi berikutnya akibat kemalangan, tambahan peratusan daripada Jumlah yang Diinsuranskan akan dibayar:

Peristiwa*	Peratusan daripada Jumlah yang Diinsuranskan
a) Meninggal dunia/ HUMK akibat kemalangan selain daripada akibat-akibat yang dinyatakan di peristiwa bawah (b) dan (c).	100%
b) Meninggal dunia/ HUMK akibat kemalangan semasa menaiki Pengangkutan Awam	200%
c) Meninggal dunia/ HUMK akibat kemalangan disebabkan oleh Bencana Alam.	300%

- (iii) **Bayaran Tunai Terjamin (GCP)** - Peratusan daripada Jumlah yang Diinsuranskan akan dibayar setiap akhir Tahun Polisi seperti yang dinyatakan di jadual bawah:

Akhir Tahun Polisi	Peratusan daripada Jumlah Yang Diinsuranskan
1 hingga 5	<%>
6 hingga 10	<%>
11 hingga 15	<%>
16 hingga 20	<%>

- (iv) **GCP Booster** - Peratusan daripada Jumlah yang Diinsuranskan akan dibayar pada akhir Tahun Polisi yang dinyatakan di jadual bawah:

Akhir Tahun Polisi	Peratusan daripada Jumlah Yang Diinsuranskan
5	<%>
10	<%>
15	<%>
20	<%>

- (v) **Manfaat Kematangan** - Nilai dana (jika ada sekiranya RTU dipilih) dan sebarang Bayaran Tunai Terjamin dan GCP Booster yang dikumpulkan setelah menolak jumlah yang terhutang akan dibayar bersama dengan Bayaran Tunai Terjamin dan GCP Booster terakhir.

- (vi) **Manfaat Compassionate (sekiranya RTU dipilih)** - Sekiranya Orang yang Diinsuranskan meninggal dunia pada tahun polisi 3 dan seterusnya, manfaat compassionate sebanyak RM <Jumlah> (i.e. 25% daripada Premium Tambahan Berkalan Tahunan), selepas tolak sebarang pengeluaran daripada Unit Dana dalam tempoh dua belas (12) bulan yang lalu sebelum tarikh peristiwa akan dibayar.

Catatan:

- Manfaat tambahan terhadap Kematian/ HUMK Akibat Kemalangan akan ditamatkan pada ulang tahun polisi di mana Orang yang Diinsuranskan telah mencapai umur 70 hari jadi berikutnya atau tarikh kematangan, mana-mana yang lebih awal.

- Maksimum bayaran amaun bagi Manfaat HUMK adalah tertakluk kepada RM8 juta bagi setiap hayat di bawah semua polisi individu.

- *Hanya peratusan manfaat yang tertinggi akan dibayar sekiranya Kematian/ HUMK Akibat Kemalangan Orang yang Diinsuranskan adalah disebabkan oleh pelbagai peristiwa yang berlaku pada masa yang sama.

- Sekiranya Orang yang Diinsuranskan berumur 5 tahun pada hari jadi berikutnya dan ke bawah semasa tarikh peristiwa, manfaat tambahan terhadap Kematian/ HUMK Akibat Kemalangan akan tertakluk pada Lien Juvana seperti yang dinyatakan di jadual bawah:

Umur Hari Jadi Berikutnya	Peratusan daripada Jumlah yang Diinsuranskan
1	20%
2	40%
3	60%
4	80%
5 dan ke atas	100%

- Manfaat tambahan terhadap Kematian/ HUMK Akibat Kemalangan di bawah Polisi ini adalah RM 500,000 bagi setiap hayat.
- Manfaat tambahan terhadap Kematian/ HUMK Akibat Kemalangan adalah RM 2 Juta bagi setiap hayat (untuk Orang yang Diinsuranskan berumur 16 dan bawah) atau RM 10 Juta bagi setiap hayat (untuk Orang yang Diinsuranskan berumur 17 dan ke atas).
- Manfaat tambahan terhadap Kematian/ HUMK Akibat Kemalangan akan ditamatkan pada ulang tahun polisi di mana Orang yang Diinsuranskan telah mencapai umur 70 hari jadi berikutnya.
- Bayaran Tunai Terjamin (GCP) dan GCP Booster hanya akan dibayarkan apabila Orang yang Diinsuranskan masih hidup pada akhir tahun polisi. Penamatan polisi akan menamatkan Bayaran Tunai Terjamin (GCP) dan GCP Booster.

Dana(-dana) yang dipilih:

Dana(-dana)	Peruntukan Dana (%)
<Dana yang dipilih>	<%>

Catatan: Sila merujuk kepada Ilustrasi Jualan yang merangkumi manfaat produk dan objektif dana pelaburan. Ia adalah penting untuk anda memilih pelan atau gabungan dana yang sesuai dengan matlamat kewangan dan profil risiko anda.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium asas tahunan yang anda perlu bayar ialah:

Premium Asas: RM <Jumlah> setiap tahun

Premium Tambahan Berkala (RTU): RM <Jumlah> setiap tahun

Tempoh pembayaran Premium Asas dan Premium Tambahan Berkala: <Tempoh> tahun

Catatan:

- Polisi ini memberikan tempoh tangguh 30 hari, di mana memberi anda masa tambahan selepas tarikh pembayaran premium untuk membayar premium.
- Kadar premium untuk produk ini adalah dijamin.

95% daripada Premium Tambahan Berkala akan diperuntukkan untuk membeli unit dalam dana(-dana) pelaburan yang anda pilih. Sebarang jumlah yang tidak diperuntukkan akan digunakan untuk membayar komisen kepada ejen dan perbelanjaan lain. Anda dinasihatkan untuk merujuk kepada kadar peruntukan yang diberikan dalam Ringkasan Ilustrasi.

4. Apakah fi dan bayaran yang perlu saya bayar?

Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) - Kecuali Institusi Pendidikan atau Persatuan Agama yang berdaftar di bawah mana-mana undang-undang bertulis, premium yang perlu dibayar bagi polisi yang dimiliki oleh organisasi atau polisi yang diperuntukkan kepada organisasi adalah tertakluk kepada Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) (jika berkenaan).

Caj Pengurusan Dana (% daripada nilai dana setiap tahun)

Dana-dana	Maksimum (Z% setiap tahun daripada Nilai Aset Bersih Dana)	Semasa (Z% setiap tahun daripada Nilai Aset Bersih Dana)
Dana TokioMarine-Enterprise	1.50	1.50
Dana TokioMarine-Bond	1.00	0.50
TokioMarine-Dana Ikhtiar	1.50	1.50
Dana TokioMarine-Managed	1.50	1.20
Dana TokioMarine-Orient	1.50	1.50
Dana TokioMarine-Luxury	1.50	1.50
Dana TokioMarine-Global Sustainable	1.50	1.50

Caj pertukaran - Tidak berkenaan.

- Komisen akan dibayar oleh Anda dan akan dibayar daripada premium. Sila rujuk komisen untuk Premium Asas dan Premium Tambahan Berkala (jika dipilih) berikut:

Tahun Polisi	Premium Asas yang Dibayar (RM)	Komisen Dibayar		Premium Tambahan Berkala (jika dipilih) (RM)	Komisen Dibayar	
		Peratusan Premium (%)	Amaun Sebenar (RM)		Peratusan Premium (%)	Amaun Sebenar (RM)
<Tahun>	<Jumlah>	3.75%	<Jumlah>	<Jumlah>	3.75%	<Jumlah>
<Tahun>	<Jumlah>	3.25%	<Jumlah>	<Jumlah>	3.75%	<Jumlah>
<Tahun>	<Jumlah>	3.00%	<Jumlah>	<Jumlah>	3.75%	<Jumlah>
Jumlah	<Jumlah>		<Jumlah>	<Jumlah>		<Jumlah>

Butiran-butiran mengenai semua yuran dan caj telah diberikan dalam Ringkasan Ilustrasi.

5. Apakah antara terma-terma dan syarat-syarat penting yang patut saya ketahui?

- (a) Kepentingan pendedahan - Anda mestilah mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubahan (jika ada), dan menyatakan umur anda dengan betul.
- (b) Tempoh bertenang - Anda boleh membatalkan polisi anda dalam tempoh 15 hari setelah penghantaran polisi ini kepada anda. Premium Asas yang telah anda bayar, Premium Tambahan Berkala (RTU) yang tidak diperuntukkan dan nilai dana, tolak sebarang yuran perubahan yang ditanggung akan dibayar balik kepada anda.
- (c) Nilai dana adalah tidak terjamin dan bergantung kepada prestasi dana-dana perlaburan yang dipilih.
- (d) Notis Tuntutan: Notis bertulis mesti diberi kepada kami dalam tempoh masa 60 hari dari tarikh kematian dan 6 bulan dari tarikh HUMK.
- (e) Penggantian polisi - Penggantian polisi anda dengan polisi yang baru mungkin tidak menguntungkan. Sekiranya anda ingin berbuat demikian, anda dicadangkan untuk mendapatkan nasihat daripada wakil jualan / kami sebelum membuat keputusan muktamad.

Catatan: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila merujuk kontrak polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat bagi polisi ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Manfaat Kematian

Bunuh diri (sama ada waras atau tidak waras) dalam tempoh satu (1) tahun dari Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula Polisi, mengikut mana yang lebih kemudian. Polisi ini akan dibatalkan dan kami akan mengembalikan jumlah premium yang dibayar pada tarikh notifikasi, ditolakkan dengan sebarang keterhutangan dan sebarang pengeluaran daripada Unit Dana.

Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)

- Percubaan membunuh diri (sama ada waras atau tidak waras);
- Kecederaan diri yang disengajakan atau kecederaan yang dialami semasa berada di bawah pengaruh dadah atau alkohol;
- Kecederaan yang dialami semasa melibatkan diri dalam pertandingan menguji kelajuan atau ketahanan yang berbahaya;
- Sebarang aktiviti penerbangan (kecuali sebagai penumpang yang membayar atau krew kapal terbang yang dikendalikan oleh Penerbangan Antarabangsa dan berlesen untuk perkhidmatan penumpang atas laluan komersial berjadual tetap);
- Pelayaran kapal selam;
- Perkhidmatan tentera, polis, tentera laut atau aeronautik;
- Sebarang bentuk Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) yang wujud pada Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula Polisi, mengikut mana yang lebih kemudian;
- Peperangan sama ada diisytihar atau tidak diisytihar, revolusi, rusuhan dan kekecohan awam, mogok atau aktiviti pengganas;
- Pelanggaran undang-undang atau menentang daripada ditahan; atau
- Keadaan Sedia Ada* yang wujud sebelum Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula Polisi, mengikut mana-mana yang kemudian.

Kematian/Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) akibat Kemalangan

- Sebarang bentuk masalah kesihatan atau penyakit yang disebabkan oleh punca bukan kemalangan;
- Percubaan membunuh diri (sama ada waras atau tidak waras);
- Kecederaan diri yang disengajakan atau kecederaan yang dialami semasa berada di bawah pengaruh dadah atau alkohol;
- Kecederaan yang dialami semasa melibatkan diri dalam pertandingan menguji kelajuan atau ketahanan yang berbahaya;
- Sebarang aktiviti penerbangan (kecuali sebagai penumpang yang membayar atau krew kapal terbang yang dikendalikan oleh Penerbangan Antarabangsa dan berlesen untuk perkhidmatan penumpang atas laluan komersial berjadual tetap);
- Pelayaran kapal selam;
- Perkhidmatan tentera, polis, tentera laut atau aeronautik;
- Pelanggaran undang-undang atau menentang daripada ditahan; dan
- Mengembalikan ketenteraman awam atau membuat apa-apa tangkapan sebagai pegawai undang-undang;
- Sebarang bentuk Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) yang wujud pada Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula Polisi, mengikut mana yang lebih kemudian;
- Peperangan sama ada diisytihar atau tidak diisytihar, revolusi, rusuhan dan kekecohan awam, mogok atau aktiviti pengganas;
- Keadaan Sedia Ada* yang wujud sebelum Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula Polisi, mengikut mana-mana yang kemudian;
- Hernia, jangkitan ptomaina atau bakteria (kecuali jangkitan piogenik yang berlaku disebabkan dan melalui luka atau kecederaan kemalangan); atau
- Racun, gas, wasap (secara sukarela atau bukan sukarela, tidak disengajakan atau sebaliknya, diambil, diberikan, diserap atau disedut).

*Keadaan Sedia Ada bermaksud hilang upaya atau penyakit di mana Orang yang Diinsuranskan mempunyai pengetahuan yang sewajarnya terhadapnya Seorang individu akan dianggap mempunyai pengetahuan yang sewajarnya tentang suatu keadaan sedia ada jika keadaan tersebut adalah salah satu daripada di mana

- individu tersebut telah menerima atau sedang menerima rawatan;
- Nasihat perubatan, diagnosis, jagaan atau rawatan telah dicadangkan;
- Simptom yang jelas dan tepat serta dapat dilihat dengan nyata; atau
- Kewujudannya dapat diperhatikan dengan jelas oleh orang yang sewajarnya dalam keadaan tertentu.

Catatan: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila merujuk kontrak polisi untuk senarai penuh atas pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Membeli satu polisi hayat adalah komitmen kewangan jangka panjang. Jika anda tidak membayar premium anda dalam tempoh tangguh, polisi anda akan luput melainkan polisi anda mempunyai nilai tunai. Jika anda membatalkan polisi ini selepas tempoh bertenang, kami akan menbayarkan nilai tunai dengan sebarang GCP dan GCP Booster yang dikumpulkan. Jumlah tunai yang Syarikat akan bayar kepada anda apabila anda membatalkan polisi ini sebelum tempoh matang akan lebih kurang daripada jumlah premium yang telah anda bayar.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

ia adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.



9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang produk ini, sila layari www.rhbgroup.com.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Kami di :

Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.
Ground Floor, Menara Tokio Marine Life
189, Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur.

Talian Am : 03-2059 6188
Faks : 03-2162 8068
Nombor Khidmat Pelanggan : 03-2603 3999
E-mel : customercare@tokiomarinelife.com.my

10. Jenis perlindungan lain seumpamanya yang disediakan.

Sila tanya Kami / wakil jualan anda untuk pelan lain yang seumpama.

MAKLUMAT PENTING:

MEMBELI POLISI INSURANS HAYAT MERUPAKAN KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA MESTILAH MEMILIH JENIS POLISI YANG BENAR-BENAR SESUAI DENGAN ANDA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.

PREMIUM TAMBAHAN BERKALA TERIKAT DENGAN PRESTASI ASET PELABURAN DAN BUKAN JENIS PRODUK PELABURAN TULEN SEPERTI UNIT AMANAH SAHAM. ANDA MESTI MENILAI PILIHAN ANDA DENGAN TELITI DAN BERPUAS HATI BAHAWA DANA PELABURAN YANG DIPILIH DAPAT MEMENUHI KEPERLUAN RISIKO, DAN ANDA MAMPU MEMBAYAR PREMIUM SEPANJANG TEMPOH POLISI. PULANGAN DARI DANA PELABURAN ADALAH TIDAK DIJAMIN.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. atau PIDM ([layari www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

Pelan insurans ini ditaja jamin oleh Tokio Marine Life Insurance Malaysia Berhad [199801001430 (457556-X)], sebuah syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

RHB Bank Berhad [196501000373 (6171-M)] ialah pengedar pelan insurans ini dan beralamat di RHB Centre, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur

Maklumat yang disediakan dalam risalah pendedahan ini adalah sah pada 29/02/2024.